

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**HUBUNGAN DI ANTARA GAYA KOGNITIF
DAN GAYA BELAJAR DI KALANGAN
PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

NUR HAZIYANTI BT. MOHAMAD KHALID
No. Pendaftaran: 992-00022



**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

MAC 2003

JADUAL KANDUNGAN**Muka Surat**

PENGHARGAAN...	v
SENARAI JADUAL...	xii
SENARAI RAJAH...	xv
ABSTRAK...	xvi
ABSTRACT...	xvii
BAB							
I	Pengenalan...	1
	Pernyataan Masalah...	6
	Persoalan Kajian...	10
	Objektif Kajian...	11
	Kepentingan Kajian...	12
	Batasan Kajian...	14
	Definisi Operasional...	18
	Gaya Kognitif...	18
	Gaya Belajar...	19
	Jantina...	19
	Pencapaian Akademik...	19
	Status Sosioekonomi...	21

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

II SOROTAN KAJIAN LEPAS... 22

Pengenalan... 22

Perbezaan Individu... 23

Gaya Kognitif dan Gaya Belajar... 29

Konseptual Teoretis Kajian... 39

Pendekatan Berpusatkan Kognitif... 40

Teori Perkembangan Kognitif
Piaget... 40

Teori Kecenderungan Otak
Kanan dan Otak Kiri... 42

Model Pemprosesan Maklumat... 46

Fungsi Persepsi... 49

Pendekatan Berpusatkan Pembelajaran... 55

Model Strategi Pembelajaran... 55

Model Gaya Pembelajaran Berasaskan
Pembelajaran Berproses... 58

Proses Pembelajaran
Pengalaman... 58

Model Sistem 4MAT... 65

Model Orientasi dan
Hasil Pembelajaran... 67

	Model Gaya Pembelajaran Berasaskan Kecenderungan...	70
	Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn dan Price (1989)...	70
	Model Pembelajaran Berinteraksi Grasha-Reichman...	72
	Kajian Berkaitan...	75
	Kesimpulan...	91
III	METODOLOGI PENYELIDIKAN...	92
	Pengenalan...	92
	Rekabentuk Kajian...	93
	Kerangka Konseptual Kajian...	95
	Pembolehubah Kajian...	96
	Instrumen Kajian...	97
	Soalan demografi...	97
	GEFT (Group Embedded Figure Test)...	98
	KLSI (Kolb's Learning Style Inventory)...	100
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian...	102
	Kajian Rintis...	104
	Populasi dan Persampelan...	105
	Pengumpulan Data...	109
	Analisis Data...	110

IV DAPATAN KAJIAN... 111

Pengenalan... 111

Frekuensi Kecenderungan Gaya Kognitif
Secara Keseluruhan... 112

Frekuensi Kecenderungan Gaya Kognitif
Berdasarkan Kumpulan Gaya Belajar... 113

Frekuensi Kecenderungan Gaya Kognitif
Berdasarkan Kumpulan Jantina... 115

Frekuensi Kecenderungan Gaya Kognitif
Berdasarkan Kumpulan Pencapaian Akademik... 116

Frekuensi Kecenderungan Gaya Kognitif
Berdasarkan Kumpulan Status Sosioekonomi... 118

Frekuensi Kecenderungan Gaya Belajar
Secara Keseluruhan... 120

Frekuensi Kecenderungan Gaya Belajar
Berdasarkan Kumpulan Gaya Kognitif... 121

Frekuensi Kecenderungan Gaya Belajar
Berdasarkan Kumpulan Jantina... 122

Frekuensi Kecenderungan Gaya Belajar
Berdasarkan Kumpulan Pencapaian Akademik... 123


Frekuensi Kecenderungan Gaya Belajar
Berdasarkan Kumpulan Status Sosioekonomi... 125

Hubungan Di Antara Gaya Kognitif Dan
Gaya Belajar Secara Keseluruhan... 127

Hubungan Di Antara Gaya Kognitif Dan
Gaya Belajar Berdasarkan Kumpulan Jantina... 129

	Hubungan Di Antara Gaya Kognitif Dan Gaya Belajar Berdasarkan Kumpulan Pencapaian Akademik...	131
	Hubungan Di Antara Gaya Kognitif Dan Gaya Belajar Berdasarkan Kumpulan Status Sosioekonomi...	139
V	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	143
	Pengenalan...	143
	Hubungan Di Antara Gaya Kognitif Dan Gaya Belajar...	144
	Hubungan Di Antara Gaya Kognitif Dan Gaya Belajar Dari Aspek Jantina...	150
	Hubungan Di Antara Gaya Kognitif Dan Gaya Belajar Dari Aspek Pencapaian Akademik...	155
	Pencapaian Subjek Sains PMR...	155
	Pencapaian Subjek Sejarah PMR...	159
	Hubungan Di Antara Gaya Kognitif Dan Gaya Belajar Dari Status Sosioekonomi...	163
	Kesimpulan Perbincangan Dapatan Kajian...	169
	Implikasi Dan Aplikasi...	170
	Implikasi Terhadap Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran...	171
	Implikasi Terhadap Dasar Pendidikan...	177
	Model Pengajaran Dan Pembelajaran Bersepadu.....	180
	Cadangan Kajian Lanjutan...	183

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
	BIBLIOGRAFI						186
	LAMPIRAN A...	200
	LAMPIRAN B...	213
	LAMPIRAN C...	216



Jadual	Muka Surat
1 Takrif Mengikut Pencapaian Gred Bagi Subjek Sains dan Sejarah PMR... ..	20
2 Kategori Status Sosiokonomi Oleh Fatanah (1997)...	21
3 Ciri-Ciri Otak Kiri dan Otak Kanan... ..	43
4 Ciri-Ciri Gaya Kognitif Bergantung Medan	52
5 Ciri-Ciri Gaya Kognitif Bebas Medan... ..	53
6 Ciri-Ciri Peringkat Pembelajaran Kolb... ..	61
7 Ciri-Ciri Gaya Belajar Diverger, Asimilator Konverger dan Akomodator... ..	62
8 Skala Pengelasan Skor GEFT oleh Kim (1996)...	99
9 Nilai Kebolehpercayaan KLSI (Kolb's Learning Style Inventory) Berdasarkan Skor Gaya Belajar ...	105
10 Jadual Persampelan Kriejcie dan Morgan (1970) ...	107
11 Jadual Komposisi Sampel Kajian Berdasarkan Saiz Sampel	108
12 Frekuensi Sampel kajian Mengikut Kecenderungan Gaya Kognitif... ..	112
13 Frekuensi Sampel Kajian yang Cenderung Terhadap Gaya Kognitif Bergantung dan Bebas Medan Mengikut Kumpulan Gaya Belajar... ..	114

14	Frekuensi Sampel Kajian yang Cenderung Terhadap Gaya Kognitif Bergantung dan Bebas Medan Mengikut Kumpulan Jantina ...	115
15	Frekuensi Sampel Kajian yang Cenderung Terhadap Gaya Kognitif Bergantung dan Bebas Medan Mengikut Kumpulan Pencapaian Subjek Sains... ...	116
16	Frekuensi Sampel Kajian yang Cenderung Terhadap Gaya Kognitif Bergantung dan Bebas Medan Mengikut Kumpulan Pencapaian Subjek Sejarah ...	117
17	Frekuensi Sampel Kajian yang Cenderung Terhadap Gaya Kognitif Bergantung dan Bebas Medan Mengikut Kumpulan Status Sosioekonomi ...	119
18	Frekuensi Sampel Kajian Mengikut Kecenderungan Gaya Belajar ...	120
19	Frekuensi Sampel Kajian yang Cenderung Terhadap Gaya Belajar Diverger, Asimilator, Konverger dan Akomodator Mengikut Kumpulan Gaya Kognitif ...	121
20	Frekuensi Sampel Kajian yang Cenderung Terhadap Gaya Belajar Diverger, Asimilator, Konverger dan Akomodator Mengikut Kumpulan Jantina ...	122
21	Frekuensi Sampel Kajian yang Cenderung Terhadap Gaya Belajar Diverger, Asimilator, Konverger dan Akomodator Mengikut Kumpulan Pencapaian Subjek Sains ...	123
22	Frekuensi Sampel Kajian yang Cenderung Terhadap Gaya Belajar Diverger, Asimilator, Konverger dan Akomodator Mengikut Kumpulan Pencapaian Subjek Sejarah ...	124

23	Frekuensi Sampel Kajian yang Cenderung Terhadap Gaya Belajar Diverger, Asimilator, Konverger dan Akomodator Mengikut Kumpulan Status Sosioekonomi 126	126
24	Kategori Tahap Perhubungan oleh Johnson & Nelson (1986) 127	127
25	Analisis Korelasi di antara Gaya Kognitif Dan Gaya Belajar Secara Keseluruhan 128	128
26	Analisis Korelasi di antara Gaya Kognitif Dan Gaya Belajar Berdasarkan Jantina 129	129
27	Analisis Korelasi di antara Gaya Kognitif Dan Gaya Belajar Berdasarkan Kumpulan Pencapaian Subjek Sains 131	131
28	Analisis Korelasi di antara Gaya Kognitif Dan Gaya Belajar Berdasarkan Kumpulan Pencapaian Subjek Sejarah 135	135
29	Analisis Korelasi di antara Gaya Kognitif Dan Gaya Belajar Berdasarkan Kumpulan Status Sosioekonomi 139	139
30	Teknik Pengajaran mengikut Kesesuaian Gaya Kognitif 173	173
31	Teknik Pengajaran mengikut Kesesuaian Gaya Belajar 174	174

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1 Model 4 Kuadran Otak (Herman, 1989)...	45
2 Model Pemprosesan Maklumat...	48
3 Model Fasa Pembelajaran Empat Peringkat...	60
4 Model Sistem 4MAT (McCarthy, 1987)...	66
5 Model Orientasi dan Hasil Pembelajaran...	69
6 Model Gaya Pembelajaran Dunn dan Dunn (1978)...	71
7 Model Gaya Pembelajaran Grasha-Reichman	73
8 Kerangka Konseptual Kajian Kim (1999)	77
9 Kerangka Konseptual Kajian Tumerah (1998)	84
10 Kerangka Konseptual Kajian Hubungan di Antara Gaya Kognitif dan Gaya Belajar di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat...	95
11 Model Pengajaran dan Pembelajaran Bersepadu	182

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Abstrak

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Kajian ini membincangkan hubungan di antara gaya kognitif dan gaya belajar di kalangan pelajar tingkatan empat. Sampel kajian dipilih daripada empat buah sekolah menengah di sekitar Daerah Batang Padang, Perak. *Group Embedded Figure Test* (GEFT) digunakan bagi mengenalpasti dua jenis gaya kognitif iaitu gaya kognitif bergantung medan dan bebas medan. Manakala *Kolb's Learning Style Inventory* (KLSI), digunakan bagi mengenalpasti empat gaya belajar iaitu gaya belajar Diverger, Asimilator, Konverger dan Akomodator. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara gaya kognitif dan gaya belajar berdasarkan sampel secara keseluruhan. Korelasi positif berlaku di antara skor GEFT dengan skor gaya belajar Asimilator dan Akomodator. Korelasi negatif pula berlaku di antara skor GEFT dengan skor Diverger dan Akomodator. Di samping itu, peratus kecenderungan pelajar tingkatan empat terhadap gaya kognitif bebas medan adalah lebih tinggi berbanding gaya kognitif bergantung medan. Kebanyakan pelajar juga lebih cenderung ke arah gaya belajar Konverger berbanding gaya belajar Diverger, Asimilator dan Akomodator. Hasil kajian diharap dapat membantu guru dalam usaha merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih sempurna dan adil.

Abstract

A study was carried out to determine the relationship between cognitive styles and learning styles among form four students. Samples were randomly selected among form four students of four secondary schools in the District of Batang Padang, Perak. The study was done using Group Embedded Figure Test (GEFT) to discover Field Dependent and Field Independent types of cognitive styles. While Kolb's Learning Style Inventory (KLSI) was used to determine four types of learning styles, those are Diverger, Assimilator, Converger and Accommodator. The results indicated that there was significant relationship between cognitive styles and learning styles among the form four students. Positive correlation appeared between GEFT scores and the scores of Assimilator and Converger while negative correlation appeared between GEFT scores and the scores of Diverger and Accommodator. Most of the students were also found to be more field independent and convergent. It is shown that the study can contribute to the understanding of student's diversity and helps educators to use good teaching methods and more suitable curriculum planning.

BAB I

PENGENALAN

Perbezaan individu merupakan ciri yang membezakan seseorang individu dengan individu yang lain. Dari perspektif biologi, kelahiran manusia itu sendiri adalah bersama ribuan bahan baka yang sebahagiannya diwarisi daripada ibu dan sebahagian lagi daripada bapa. Kombinasi ribuan bahan baka tersebut adalah kompleks, menjadikan manusia bersifat unik iaitu sebagai individu baru yang tidak sama dengan individu lain (Majid dan Rahil, 2000).

Perbezaan individu boleh dilihat dari segi fizikal, kognitif dan afektif dalam membentuk ciri-ciri yang membezakan seseorang individu dengan individu yang lain. Dari segi fizikal, perbezaan individu adalah jelas berdasarkan jantina, bentuk fizikal badan, tahap kesihatan dan lain-lain (Keefe, 1991). Manakala dari segi kognitif, individu adalah berbeza bergantung kepada cara seseorang itu melakukan persepsi, pemahaman, mengingat, berfikir, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan memberi reaksi terhadap maklumat yang diterima

(Messick, 1976). Afektif pula mempengaruhi perbezaan individu dari segi personaliti, kecenderungan perasaan, tanggungjawab, motivasi dan interaksi dengan rakan sebaya (Reiff, 1992).

Perbezaan yang wujud di kalangan individu adalah sangat luas. Kebanyakan ahli psikologi yang menjalankan kajian terhadap perbezaan individu memfokuskan kajian kepada beberapa aspek perbezaan yang penting sahaja (Baron, 1994). Oleh yang demikian, kajian hubungan di antara gaya kognitif dan gaya belajar di kalangan pelajar tingkatan empat ini menyentuh isu perbezaan individu dari aspek gaya kognitif dan gaya belajar. Penyelidik melihat kajian ini sangat penting kerana variasi gaya kognitif dan gaya belajar di kalangan pelajar sekolah menengah kurang mendapat perhatian yang sewajarnya. Tumpuan hanya diberikan terhadap peningkatan mutu pengajaran yang harus dilaksanakan oleh guru dan tanggungjawab pelajar untuk berusaha menyesuaikan diri dan menerima setiap ajaran guru bagi meningkatkan potensi pembelajaran mereka.

Menurut Keefe (1988), masalah pembelajaran adakalanya tidak berkait dengan tahap kesusahan bahan pembelajaran, tetapi kesesuaian tahap pemprosesan kognitif yang diperlukan dalam menerima bahan pembelajaran tersebut. Oleh itu, penyelidik sependapat dengan Gregorc dan Ward (1977) yang menyatakan bahawa jika guru mahu memenuhi setiap keperluan pelajar dalam proses pembelajaran mereka,

maka guru harus memahami maksud perbezaan individu itu sendiri dan cuba mengaitkan gaya mengajar mereka dengan gaya kognitif serta gaya belajar para pelajar.

Menurut Woolfolk (1998), variasi gaya kognitif dan gaya belajar berlaku di kalangan pelajar kerana orientasi yang mereka gunakan terhadap alam sekeliling adalah berbeza mengikut kecenderungan masing-masing. Pressley, Woloshyn, Lysynchuck, Martin, Wood, & Willoughby, (1990) pula ada menyatakan bahawa gaya belajar memerlukan sentuhan operasi kognitif dalam melaksanakan proses pembelajaran yang sekaligus menunjukkan gaya belajar dan gaya kognitif saling berkait antara satu sama lain. Ini selaras dengan kenyataan Caplan (1981) yang mendapati bahawa struktur otak mempengaruhi struktur pembelajaran bahasa. Manakala Schartz, Davidson dan Maer (1975) dalam kajian mereka membuktikan bahawa otak kanan dan otak kiri manusia mempunyai fungsi yang berbeza dalam melakukan persepsi.

Penyelidik berminat untuk menjalankan kajian ini kerana mendapati bahawa kurangnya perhatian yang diberikan oleh guru dan pelajar terhadap fungsi gaya kognitif dan gaya belajar sedikit sebanyak telah menghalang perkembangan potensi pembelajaran. Ini kerana kecenderungan individu terhadap salah satu gaya tersebut telah membentuk corak pembelajaran yang berbeza di kalangan pelajar dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

sesterusnya mengakibatkan penyebaran bahan, teknik pengajaran dan juga aktiviti pembelajaran terlaksana secara tidak saksama.

Menurut Ast (1988), dalam usaha untuk menyesuaikan pembelajaran murid dengan sistem pengajaran guru, guru harus diberi maklumat dan kemahiran tentang pelbagai teori dan aplikasi gaya kognitif dan gaya belajar yang dimiliki oleh setiap pelajar. Manakala pelajar pula perlulah diberi peluang untuk belajar dalam pelbagai situasi, sumber dan kaedah penyampaian sehinggalah mereka dapat mengenalpasti kaedah manakah yang sesuai bagi mereka.

Sehubungan dengan itu, kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini merupakan satu usaha yang dapat menyalurkan maklumat tentang teori perbezaan individu dari segi gaya kognitif dan gaya belajar. Menerusi kajian ini, guru dan pelajar dapat mengetahui bahawa gaya kognitif dan gaya belajar boleh dikenalpasti secara sistematik dengan menggunakan inventori yang tertentu. Ia juga diharap dapat membantu warga pendidik untuk membentuk kurikulum yang mampu diterima oleh pelajar dan sekurang-kurangnya dapat meminimumkan rasa bosan terhadap aktiviti pembelajaran dan pengajaran di dalam sesebuah bilik darjah. Menurut Reiff (1992), pemahaman yang baik dalam gaya belajar boleh membantu guru mengurangkan rasa kekecewaan di kalangan mereka dan di kalangan pelajar.

Oleh yang demikian, dengan menggunakan rekabentuk kajian tinjauan, penyelidik telah menggunakan instrumen soal selidik yang mengandungi soalan berkenaan demografi dan juga alat ukur gaya kognitif dan gaya belajar. Alat ukur yang digunakan ialah *Group Embedded Figure Test* (GEFT) bagi mengenalpasti gaya kognitif jenis bergantung dan bebas medan manakala *Kolb's Learning Style Inventory* (KLSI) digunakan bagi mengenalpasti gaya belajar jenis Diverger, Asimilator, Konverger dan Akomodator. Selain daripada itu, penyelidik turut mengkaji beberapa faktor lain yang dikaitkan dengan hubungan di antara gaya kognitif dan gaya belajar seperti faktor jantina, pencapaian akademik dan status sosioekonomi. Sesungguhnya, maklumat ini sangat berguna dalam meningkatkan prestasi pengajaran guru, prestasi pembelajaran pelajar serta pembentukan beberapa alternatif baru bagi mengatasi masalah sukar belajar di kalangan pelajar.

Pernyataan Masalah

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini bertujuan untuk melihat hubungan di antara gaya kognitif dan gaya belajar di kalangan pelajar tingkatan empat. Penyelidik juga melihat bahawa masalah utama yang dihadapi pihak guru dan pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah pada hari ini ialah tidak dapat meningkatkan potensi pengajaran dan pembelajaran akibat tiada kefahaman yang jelas tentang hubungan di antara gaya kognitif dan gaya belajar dalam mencorak aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan.

Gaya kognitif dan gaya belajar di kalangan pelajar sering diabaikan dalam kaedah pengajaran guru. Kebanyakan bilik darjah yang masih mengamalkan suasana pembelajaran konvensional menyebabkan pelajar terlalu bergantung kepada corak pengajaran guru dan menghalang pelajar untuk mengembangkan potensi pembelajaran masing-masing dengan cara yang tersendiri. Mereka gagal untuk menyesuaikan bahan pembelajaran yang diberi dengan keperluan gaya kognitif dan gaya belajar mereka. Keadaan seperti ini menjadikan mereka sebagai individu yang pasif, terkawal dan kurang bertanggungjawab terhadap pembelajaran (Hawa, 1999).

Menurut Robiah (1996), pengetahuan dan kesedaran guru tentang fenomena gaya kognitif dan gaya belajar adalah sangat kurang dan

tidak bersifat responsif. Ini disebabkan kepentingan memahami fungsi gaya kognitif dan gaya belajar dalam menyesuaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan keperluan pelajar tidak ditekankan sepenuhnya di dalam perancangan dasar pendidikan negara. Walaupun setiap guru telah dibekalkan dengan pengetahuan tentang perbezaan individu semasa peringkat latihan di institusi perguruan, namun pengetahuan tersebut tidak diaplikasikan secara sistematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Selain itu, usaha untuk mengadakan kursus, bengkel, mahupun seminar tentang keperluan mengenalpasti gaya kognitif dan gaya belajar, masih belum giat dijalankan. Apa yang jelas, ia lebih kepada usaha untuk membincangkan cara untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti pengajaran dan pembelajaran tanpa mengambil kira kesesuaian gaya kognitif dan gaya belajar di kalangan pelajar.

Oleh kerana pengetahuan dan kesedaran tentang fungsi gaya kognitif dan gaya belajar tidak dititik berat oleh pihak guru itu sendiri, maka tiada maklumat dan galakan disalurkan kepada pelajar-pelajar tentang kepentingan untuk mengenalpasti gaya kognitif dan gaya belajar yang mereka miliki. Tiada kesedaran bahawa perbezaan individu tersebut boleh mempengaruhi potensi pembelajaran menyebabkan timbul masalah pelajar-pelajar tidak tahu bagaimana untuk menyesuaikan diri mereka dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diperkenalkan, di samping untuk menyusun strategi

pembelajaran yang lebih berkesan (Jones, 1993). Pelajar-pelajar sering menganggap bahawa pencapaian yang rendah dalam bidang akademik adalah kerana mereka kurang cerdas tanpa mengetahui bahawa kelemahan mereka juga disebabkan fungsi gaya kognitif dan gaya belajar yang tidak bersesuaian dengan bahan pembelajaran serta teknik pengajaran yang disampaikan oleh guru (Crow dan Crow, 1983).

Merujuk kepada faktor kecerdasan, kebanyakan guru masih lagi beranggapan bahawa tahap kecerdasan adalah indikator terbaik terhadap kebolehan pembelajaran di kalangan pelajar. Kesilapan dan kelemahan pelajar dalam sesuatu mata pelajaran sering dikaitkan dengan tahap kecerdasan yang rendah. Ini menjurus kepada perlaksanaan sistem pengkelasan yang meletakkan pelajar pandai di dalam kumpulan teratas sehinggalah kepada pelajar lemah di dalam kumpulan yang terendah. Hal ini bertentangan dengan pendapat Spinner (1992) yang menyatakan bahawa dua orang pelajar yang mempunyai gaya kognitif dan gaya belajar yang berbeza, boleh juga mempunyai tahap kecerdasan yang sama. Woolfolk (1998) berpendapat bahawa orientasi pelajar-pelajar terhadap alam sekeliling tidak berkait dengan tahap kecerdasan mahupun kebolehan yang istimewa yang mereka miliki, sebaliknya bergantung kepada cara mereka memahami, mengingat, berfikir, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan memberi respons terhadap maklumat yang diterima.

Penyelidik juga melihat bahawa kajian gaya kognitif dan gaya belajar masih baru dalam konteks pendidikan di Malaysia ini. Hanya golongan akademik di institusi pengajian tinggi sahaja yang menjalankan kajian tentang gaya kognitif dan gaya belajar dan ini masih belum tersebar luas di kalangan pendidik di peringkat sekolah (Robiah, 1996).

Selain itu, ketiadaan alat ukur gaya kognitif dan gaya belajar yang piawai serta menepati ciri-ciri pelajar Malaysia juga menyebabkan kebanyakan kajian masih lagi berpandukan kepada alat ukur yang diadaptasi daripada pelopor teori gaya kognitif dan gaya belajar luar negara. Walau bagaimanapun, alat ukur gaya kognitif dan gaya belajar tersebut perlu diperkenalkan ke dalam sistem pendidikan di sekolah. Sekurang-kurangnya, ia disalurkan melalui tenaga kaunselor kerana di samping membantu pelajar dalam membentuk sahsiah, personaliti, motivasi serta kerjaya yang baik, kaunselor juga dapat membantu pihak guru dan murid untuk mengenalpasti sesuatu gaya yang dimiliki dan mengaitkannya dengan strategi pengajaran dan pembelajaran yang harus dilaksanakan. Menurut Keefe (1991), individu yang faham akan gaya belajarnya dan mengawal aktiviti kognitif dengan baik, akan lebih bersikap positif terhadap pembelajaran di samping menunjukkan potensi akademik yang lebih baik.

Persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh penyelidik ini adalah berfokus kepada hubungan di antara gaya kognitif dan gaya belajar di kalangan pelajar tingkatan empat. Persoalan-persoalan utama yang dijawab oleh penyelidik menerusi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap perhubungan di antara gaya kognitif dan gaya belajar di kalangan pelajar tingkatan empat secara keseluruhan?
2. Apakah tahap perhubungan di antara gaya kognitif dan gaya belajar di kalangan pelajar tingkatan empat berdasarkan kumpulan jantina, pencapaian akademik dan status sosioekonomi?

Manakala persoalan sampingan yang turut dijawab oleh penyelidik menerusi kajian ini adalah:

1. Apakah gaya kognitif dan gaya belajar yang ditunjukkan oleh pelajar tingkatan empat secara keseluruhan?
2. Apakah gaya kognitif yang ditunjukkan oleh pelajar tingkatan empat berdasarkan kumpulan gaya belajar, jantina, pencapaian akademik dan status sosioekonomi?

3. Apakah gaya belajar yang ditunjukkan oleh pelajar tingkatan empat berdasarkan kumpulan gaya kognitif, jantina, pencapaian akademik dan status sosioekonomi?

Objektif Kajian

Kajian tentang hubungan di antara gaya kognitif dan gaya belajar di kalangan pelajar tingkatan empat mempunyai objektifnya yang tertentu. Objektif kajian yang paling utama adalah untuk melihat hubungan di antara gaya kognitif dan gaya belajar di kalangan pelajar tingkatan empat secara keseluruhan dan berdasarkan jantina, pencapaian akademik dan status sosioekonomi. Untuk mencapai objektif utama, beberapa objektif sampingan telah dikenalpasti. Objektif sampingan tersebut adalah seperti berikut:

1. Untuk mengenalpasti gaya kognitif dan gaya belajar di kalangan pelajar tingkatan empat secara keseluruhan.
2. Untuk mengenalpasti gaya kognitif di kalangan pelajar tingkatan empat berdasarkan kumpulan gaya belajar, jantina, pencapaian akademik dan status sosioekonomi.